

A. Maklumat Bengkel

**Tajuk : Project Lesson Learned (PLL)
PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR KERJA BAGI
TUNTUTAN BAYARAN KONTRAK DALAM TEMPOH MASA 21 HARI**

Analisis Semakan Bayaran Dan Rekod Tindakan Kerja Bayaran 21Hari

**Tarikh : 23-25 hb Ogos 2019 (Jumaat – Ahad)
Tempat : Pulau Pinang
Peserta : JKR W.P. Putrajaya**

- 1) Asha'ari Bin Hj. Hasan
- 2) Nafiza Binti Samsudin
- 3) Yusnizah Binti Mohd Kusnin
- 4) Ir. Siti Nor Baiti Binti Mohd Yusuf
- 5) Norul Huda Binti Hanafi
- 6) Mohd Yusnorariff Bin Mohd Yunos
- 7) Siti Zaleha Binti Abu Bakar
- 8) Nor Azidah Binti Muhamad
- 9) Suwaibah Binti Ab. Aziz

Fasilitator : ECKM, JKR Ibu Pejabat

- 1) Sr. Khairil Hizar Bin Md Khuzaimah
- 2) Puan Nor Parzila Binti Abdul Ghaffar


RINGKASAN EKSEKUTIF

Bengkel ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk penambahbaikan proses bayaran interim [JKR 66 (pindaan 2/2015)] selaras Arahan KPKR iaitu Perakuan Bayaran hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh pegawai pengesyor di dalam tempoh tidak melebihi tujuh (7) hari dari tarikh penilaian kerja di tapak. Manakala perakuan bayaran interim hendaklah diperakuan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak.

Susulan Laporan Ketua Audit Negara melalui Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Tahun 2018 mendapati bahawa;

- (a) Syor dan perakuan bayaran pada Borang JKR66 (Pindaan 2/2015) lewat ditandatangani.
- (b) Baucer bayaran interim Lewat Disediakan

Kajian ini adalah tertumpu kepada Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan yang melibatkan proses kerja seperti berikut:



Menerusi bengkel ini adalah diharapkan dapat menambahbaik proses bayaran dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan bagi mematuhi prosedur bayaran dalam tempoh masa 21 hari.

Terdapat beberapa perkara yang diberi penekanan di dalam bengkel Project Lesson Learned (PLL) ini iaitu:

- a. **What was supposed to happen?**
Apakah yang sepatutnya berlaku?
- b. **What actually happen?**
Apakah yang sebenarnya berlaku?
- c. **Why did it happen?**
Kenapakah ianya berlaku?
- d. **What are the consequences?**
Apakah kesannya?
- e. **What are the key lessons?**
Apakah pembelajaran yang diperolehi?
- f. **Suggestion for action?**
Cadangan tindakan?

Tatacara pengurusan bayaran dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan seperti Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling Perbendaharaan (PP) dan Arahan KPKR berkaitan yang berkuatkuasa seperti berikut:

i. **Arahan Perbendaharaan AP103 (a)**

Kesemua Bil dan Tuntutan Bayaran Hendaklah Dibayar Dengan Segera

Ketua Jabatan hendaklah meminta supaya semua bil dan tuntutan disampaikan dengan segera. Mereka hendaklah memastikan bahawa bil itu dibayar dengan segera tidak lewat **14 hari** dari tarikh ianya diterima dengan lengkap dan sempurna.

ii. **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 7 Tahun 2018**

(SPANM BIL.7/2018 – Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran)

PTJ hendaklah memastikan bayaran kepada penerima disempurnakan dalam tempoh **14 hari** selaras dengan AP 103(a) setelah dokumen lengkap diterima.

iii. **Surat Arahan KPKR Bilangan 26 Tahun 2012**

Perakuan bayaran interim [Borang JKR 66 (pindaan 2/2015)] hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh pegawai pengesyor di dalam tempoh **tidak melebihi tujuh(7) hari** dari tarikh penilaian kerja di tapak.

Perakuan bayaran interim hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh **tidak melebihi 14 hari** dari tarikh penilaian kerja di tapak.

iv. **Arahan Pembayaran Bil Sempurna Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari**


Berdasarkan ‘ Key Performance Indicator’ (KPI) KPKR , semua bayaran bil sempurna perlu diselesaikan dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh dokumen lengkap mulai tahun 2017.

METADOLOGI / KAEDAH

Bagi mengesan punca masalah tersebut, Bahagian Kewangan telah melaksanakan analisa terhadap Borang Senarai Semakan Interim & Rekod Tindakan Kerja (Lampiran 1-JKR.WPP.QS.01/2018) yang telah dibangunkan pada sesi bengkel lesson learn yang lalu.


Sampel baucar bayaran yang terlibat adalah bermula daripada Januari hingga Mei 2019 meliputi 120 bilangan baucar.

Dari analisa yang telah dijalankan mendapati:



- i. Secara keseluruhan sebanyak 33% (39 bilangan) baucer bayaran interim JKR66 telah **berjaya** disempurnakan bayaran dalam tempoh masa ≤ 21 hari. Sebanyak 68% (81 bilangan) baucer **tidak mematuhi** tempoh masa bayaran bil sempurna ≤ 21 hari.
- ii. Prestasi bayaran bil mengikut Pecahan Bahagian adalah seperti Berikut:

Bahagian	Sample Baucer	PATUH (≤ 21 Hari)		TIDAK PATUH (≥ 21 Hari)	
		Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
ZON 1	49	8	16%	41	84%
ZON 2	41	16	39%	25	61%
ZON 3	26	12	46%	14	54%
KUARTERS	4	3	75%	1	25%
JUMLAH	120	39	33%	81	68%






- iii. Sebanyak 69% (83 bilangan) telah **berjaya** dibuat pengesyoran dalam tempoh masa ≤ 7 hari dan 31% (37 bilangan) tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan.
- iv. Berikut adalah tempoh masa pengesyoran mengikut Bahagian:

Bahagian	Sample Baucer	PATUH (≤ 7 Hari)		TIDAK PATUH (≥ 7 Hari)	
		Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
ZON 1	49	34	69%	15	31%
ZON 2	41	28	39%	13	61%
ZON 3	26	17	65%	9	35%
KUARTERS	4	4	100%	-	-
JUMLAH	120	83	69%	37	31%

- v. Kelewatan mengemukakan dokumen tuntutan kepada pihak BKUB bagi tujuan semakan selepas pegesyoran interim JKR66 dilakukan.

Bahagian	Sample Baucer	Bilangan			
		≤ 3 Hari	4hari-≤10 Hari	11hari-≤20Hari	(≥20 Hari)
ZON 1	49	22	15	6	2
ZON 2	41	8	6	8	21
ZON 3	26	7	5	4	12
KUARTERS	4	2	1	1	-
JUMLAH	120	39	27	19	35

TEMPOH MASA PERAKUAN BAYARAN INTERIM JKR66**TEMPOH MASA BAYARAN BIL SEMPURNA DARI TARIKH PENERIMAAN DOKUMEN TUNTUTAN OLEH BPK**



Peringkat Pengesyor

Masalah:

- Tarikh pengesyoran yang tercatat dalam interim JKR 66 tidak menggambarkan tarikh sebenar. Dalam hal ini tarikh pengesyoran di dalam Borang JKR66 disesuaikan agar tempoh masa tidak melebihi 7 hari.
- Penilaian dilaksanakan tanpa dokumen yang lengkap dan terpaksa menunggu pihak berkaitan mengemukakan dokumen sebelum tindakan kelulusan pengesyoran diambil.
- Kelewatan memperolehi persetujuan bersama daripada pihak kontraktor berkenaan Ascertained Performance Deduction (APD).
- Perbezaan tarikh penerimaan memo semakan dokumen bayaran oleh BKUB dengan daripada memo zon adalah terlalu ketara.

Cadangan:

- Memberi lebih penekanan serta penelitian dalam penyediaan bayaran bagi mengelakkan dokumen kuiri.
- Pastikan penilaian dibuat setelah menerima dokumen yang lengkap termasuk APD dan borang-borang berkaitan.
- Sekiranya dokumen tidak lengkap tindakan proaktif daripada zon/bahagian terlibat untuk memaklumkan kepada kontraktor untuk diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi 3 hari.
- Pastikan penerimaan memo oleh BKUB perlu sama dengan tarikh penghantaran memo daripada zon/bahagian.

Peringkat Semakan BKUB Bagi Perakuan Bayaran

Masalah:

- Kesilapan pengisian/ maklumat oleh pihak zon yang dikenalpasti oleh BKUB.
- Semakan dokumen bayaran mengikut hierarki menyebabkan proses semakan mengambil masa yang panjang.

Cadangan:

- Kesilapan kecil yang tidak mendatangkan implikasi serius terhadap kontrak dicadangkan supaya berurusan secara terus dengan PIC agar tindakan pembetulan dapat diambil tindakan serta merta.
- Semua kuiri yang memerlukan tindakan lanjut perlu diselesaikan segera tidak melebihi daripada 48 jam.
- Semakan dokumen bayaran mengikut hierarki perlulah dihadkan kepada tiga (3) peringkat agar tempoh masa semakan dapat dipercepatkan.
- Memo daripada zon kepada korporat tidak lagi diperlukan berikutan arahan pembayaran diterima sebaik sahaja perakuan JKR 66 diluluskan oleh PPF.
- Bagi dokumen JKR 66 yang telah diperaku oleh PPF edaran secara terus oleh PA Bahagian korporat sebanyak dua (2) salinan kepada Bahagian Korporat dan BKUB sebanyak satu (1) salinan.

Peringkat Terimaan Dokumen di Bahagian Korporat Hingga Perakuan Baucar Bayaran

TANGGUNGAN KONTRAK

Masalah:

- Tanggungan kontrak dilaksanakan apabila dokumen tuntutan diterima bukan sebelum sebarang kerja dilakukan. Ini tidak bertepatan dengan Manual Prosedur Kerja (MPK) iGFMAS.
- Tempoh masa yang diambil bagi melaksanakan tanggungan kontrak adalah 1 hingga 3 hari yang melibatkan penyedia, pelulus dan AO. Semakan dari Bahagian Akaun KKR (AO) untuk memastikan perbelanjaan dibuat berdasarkan kod perakaunan yang tepat.
- Masa yang diambil bagi melaksanakan tanggungan kontrak ini telah memberi kesan terhadap kelewatan penyediaan baucar.

Cadangan:

- Proses Tanggungan Kontrak perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kerja dilaksanakan. Ini bertepatan dengan Manual Prosedur Kerja (MPK) iGFMAS modul MM. Ini bertujuan memastikan peruntukan bagi tujuan tersebut mencukupi.
- Zon/ bahagian perlu menyediakan program kerja tahunan bagi membolehkan waran yang diterima dibuat tanggungan berdasarkan keperluan semasa. Unjuran keperluan bayaran meliputi kontrak FM, kerja-kerja sebutharga, inden kerja dan lain-lain bayaran yang diperlukan.

PROSES BAYARAN**Masalah:**

- Kesilapan pengisian maklumat dan dokumen sokongan oleh zon/bahagian yang dikenalpasti oleh Unit Kewangan.
- WPPF perlu memastikan agar peruntukan mencukupi dan mengambil tindakan segera sekiranya peruntukan didapati berkurangan/tidak mencukupi. Bagi bangunan gunasama, Arahan Pembayaran tidak dapat dilakukan sekiranya salah satu agensi tiada/tidak cukup peruntukan.

Cadangan:

- Kesilapan kecil yang tidak mendatangkan implikasi serius terhadap kontrak dicadangkan berurusan secara terus dengan PIC agar tindakan pembetulan dapat diambil tindakan serta merta.
- Semua kuiri yang memerlukan tindakan lanjut perlu diselesaikan segera tidak melebihi daripada 48 jam.
- Memberi penekanan serta penelitian dalam penyediaan bayaran oleh pihak Zon/Bahagian bagi mengelakkan dokumen kuiri.
- Bagi mengelakan ketiadaan/ peruntukan tidak mencukupi pihak Zon/ Bahagian perlu memantau dan memastikan pihak pelanggan menyalurkan waran berdasarkan unjuran keperluan semasa.
- Pihak Zon/Bahagian adalah dilarang untuk mengabungkan lebih daripada satu (1) invoice dalam sesuatu tuntutan bayaran.
- Penyediaan Senarai semak kewangan bagi setiap jenis bayaran sebagai panduan dan rujukan seperti berikut:
 - Senarai Semak Penyediaan Bayaran Interim 1/ Bayaran Pendahuluan.
 - Senarai Semak Penyedia Bayaran Interim
 - Senarai Semak Penyediaan Pemulangan Wang Jaminan Pelaksanaan
 - Senarai Semak Penyediaan Bayaran Akaun Muktamad

- Senarai Semak Penyediaan Bayaran Inden Kerja – Bayaran Penuh
- Senarai Semak Penyediaan Bayaran Inden Kerja – Bayaran Berkala

AFTER ACTION REVIEW

1.	What Was Supposed To Happen? Apakah yang sepatutnya berlaku?	Perakuan bayaran interim hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak.
2.	What actually happened? Apakah yang sebenarnya berlaku?	Perbezaan tarikh penerimaan memo semakan dokumen bayaran oleh BKUB dengan Memo Zon atau tarikh pengesyoran adalah terlalu ketara. Tempoh perakuan melebihi 14 hari daripada tarikh penilaian.
3.	Why did it happen? Kenapakah ianya berlaku?	Tarikh pengesyoran yang tercatat dalam interim JKR 66 tidak menggambarkan tarikh sebenar. Dalam hal ini tarikh pengesyoran di dalam Borang JKR66 disesuaikan agar tempoh masa tidak melebihi 7 hari. Apabila BKUB menerima dokumen bayaran tidak pada tarikh yang didakwa oleh Zon seolah-olah tempoh semakan oleh Zon melebihi 5 hari.
4.	What are the consequences? Apakah kesannya?	Tempoh masa daripada pengesyoran kepada tarikh perakuan melebihi tempoh masa 7 hari.
5.	What are the key lessons? Apakah pembelajaran yang diperolehi?	Tidak dapat mematuhi Arahan KPKR sepertimana berikut : i. Surat Arahan KPKR Bilangan 26 Tahun 2012 Perakuan Bayaran interim [Borang JKR 66 (pindaan 2/2015)] hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh pegawai pengesyor di dalam tempoh tidak melebihi tujuh(7) dari tarikh penilaian kerja di tapak. Perakuan bayaran interim hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak. ii. Arahan Pembayaran Bil Sempurna Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Berdasarkan ' Key Performance Indicator' (KPI) KPKR , semua bayaran bil sempurna perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen lengkap mulai tahun 2017.
6.	Suggestion for action? <i>Cadangan tindakan?</i>	Memo kepada BKUB perlu pada hari yang sama dengan tarikh pengesyoran. Tarikh penerimaan memo oleh BKUB perlu sama dengan tarikh penghantaran memo daripada Zon/Bahagian. Sekiranya terdapat perbezaan di antara tarikh pengesyoran dengan tarikh penerimaan BKUB, dikhuatiri terdapat risiko tempoh perakuan dokumen bayaran melebihi 7hari dari tarikh pengesyoran.

AFTER ACTION REVIEW

1.	What Was Supposed To Happen? Apakah yang sepatutnya berlaku?	Perakuan bayaran interim hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak.
2.	What actually happened? Apakah yang sebenarnya berlaku?	Perbezaan tarikh penerimaan memo semakan dokumen bayaran oleh BKUB dengan Memo Zon atau tarikh pengesyoran adalah terlalu ketara. Tempoh perakuan melebihi 14 hari daripada tarikh penilaian.
3.	Why did it happen? Kenapakah ianya berlaku?	Terdapat kes di mana BKUB membuat pengesahan terima memo semakan dokumen bayaran daripada zon beberapa hari selepas tarikh memo zon.
4.	What are the consequences? Apakah kesannya?	Tempoh masa daripada pengesyoran kepada tarikh perakuan melebihi tempoh masa 7 hari.
5.	What are the key lessons? Apakah pembelajaran yang diperolehi?	Tidak dapat mematuhi Arahan KPKR sepertimana berikut : i. Surat Arahan KPKR Bilangan 26 Tahun 2012 Perakuan Bayaran interim [Borang JKR 66 (pindaan 2/2015)] hendaklah disyorkan dan ditandatangani oleh pegawai pengesyor di dalam tempoh tidak melebihi tujuh(7) dari tarikh penilaian kerja di tapak. Perakuan bayaran interim hendaklah diperakukan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa memperaku dalam tempoh tidak melebihi 14 hari dari tarikh penilaian kerja di tapak. ii. Arahan Pembayaran Bil Sempurna Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari Berdasarkan ‘ Key Performance Indicator’ (KPI) KPKR , semua bayaran bil sempurna perlu diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen lengkap mulai tahun 2017.
6.	Suggestion for action? <i>Cadangan tindakan?</i>	Memo kepada BKUB perlu pada hari yang sama dengan tarikh pengesyoran. Tarikh penerimaan memo oleh BKUB perlu sama dengan tarikh penghantaran memo daripada Zon/Bahagian. Zon perlu mendapatkan bukti pengesahan penerimaan memo daripada BKUB pada hari yang sama dokumen tersebut dihantar dan direkodkan oleh kedua-dua pihak. (Zon/Bahagian dan BKUB). Sekiranya BKUB menerima dokumen bayaran daripada zon lewat daripada tarikh pengesyoran, dikhuatiri terdapat risiko tempoh perakuan dokumen bayaran melebihi 7hari dari tarikh pengesyoran.